

11 JUL 2002

Mahathir-Dialog/I

SEKTOR SWASTA DIGESA MANFAATKAN SEPENUHNYA POTENSI DIALOG PERKONGSIAN PINTAR

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan sektor swasta perlu memanfaatkan sepenuhnya peluang daripada hubungan yang dimeterai ketika dialog perkongsian pintar antarabangsa seperti di Dialog Langkawi Antarabangsa (LID).

Dialog seumpama itu membolehkan ahli perniagaan dapat saling berhubungan dengan ketua-ketua negara membangun ketika ini serta ketua-ketua mereka yang akan datang, katanya di majlis perbincangan pra-dialog mengenai Global 2002-LID di sini.

"Anda mungkin maklum bila mereka (ketua-ketua) kenal anda, lebih mudah bagi anda untuk mendapat kemasukan ke negara mereka. Sedikit sebanyak dialog itu berfungsi sebagai pembuka jalan," katanya.

Dengan menyatakan minat sektor swasta mungkin agak menurun kebelakangan ini, beliau berharap mereka akan menyedari faedah yang boleh diperolehi daripada LID, yang dijadualkan pada 1-4 Ogos depan, yang juga merangkumi Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

Dialog-dialog itu yang bermula dengan LID 1995, mendapat motivasi daripada hasrat untuk mengumpulkan bersama-sama kerajaan serta sektor swasta dari negara membangun bagi bertukar-tukar pendapat dan idea mencari jalan terbaik memajukan negara mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata sesetengah ahli perniagaan kini merasakan mereka tidak mendapat banyak kemajuan daripada dialog-dialog itu terutama berkaitan pengalaman mereka di negara-negara Afrika yang berdepan dengan masalah untuk melaksanakan pendekatan dan idea yang dicadangkan ketika dialog tersebut.

Masalah seumpama itu, katanya, disebabkan oleh hakikat bahawa negara-negara ini tidak mempunyai kestabilan dalam kerajaan dan keselarian dalam kepimpinan seperti yang terdapat di Malaysia.

Dengan ketua-ketua mereka sering bertukar dalam tempoh yang singkat, kebanyakan daripada idea dan pelan yang dicadangkan ketika dialog-dialog itu tidak dapat dilaksanakan, kata Dr Mahathir.

Meskipun perkara-perkara ini mungkin mengecewakan ahli perniagaan, beliau berkata, mereka perlu melihat kepada gambaran yang lebih besar dan terus menunjukkan minat terhadap dialog-dialog itu yang boleh menyediakan perhubungan lebih luas serta kemasukan kepada peluang perniagaan.

"Kita perlu bersabar, kita perlu belajar untuk membantu memajukan negara mereka, bagi memastikan mereka mempunyai undang-undang yang diperlukan agar pelabur-pelabur boleh tertarik kepada negara mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri masih terus berusaha menyedarkan negara-negara Afrika akan keperluan untuk melaksanakan dasar yang konsisten dan membentuk rangka kerja undang-undang yang betul.

LID, yang memperkenalkan perkongsian pintar serta situasi "sama-sama menang" perlu dipraktikkan oleh sektor swasta Malaysia apabila mereka membuat pelaburan di negara membangun lain, katanya.

"Apa juga yang kita lakukan, jangan lupa bahawa kita adalah tetamu di negara tuan rumah. Tetamu perlu berkongsi dengan tuan rumah apa juga yang diperolehi daripada penglibatannya dalam ekonomi tuan rumah," tegasnya.

Perdana Menteri berkata sambutan baik yang sering diterima oleh ahli perniagaan Malaysia apabila mereka pergi ke negara-negara asing termasuk di Afrika dan Asia Barat adalah kerana kerajaan giat menggalakkan muhibah di

negara-negara lain.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah mengetuai banyak rombongan perdagangan dan pelaburan yang telah "membuka ruang" kepada ramai ahli perniagaan Malaysia.

Banyak syarikat dari Malaysia telah mendapat manfaat daripada strategi ini kerana ia membantu mereka dalam pelaburan di luar negara, katanya.

"Petronas, sebagai contohnya, mencapai prestasi yang sangat cemerlang," kata Dr Mahathir.

"Kita mahu menjalin hubungan mesra dengan mereka dan juga mendapat semangat muhibah mereka. Kita berharap dapat memperolehi sesuatu dan juga berharap dalam proses itu mereka juga akan memperolehi sesuatu," katanya.

Dr Mahathir kemudiannya menerima sumbangan daripada beberapa penaja korporat Global 2002-LID.

Perbincangan pra-dialog hari ini juga dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Terdahulu, ketua-ketua korporat yang menghadiri majlis itu diberi taklimat oleh pengerusi dialog bersama Global 2002 dan juga penasihat kepada lembaga Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

-- BERNAMA

MAD SHY ZK